Saya ❤ Pulau Pinang

MS 14,15 & 28



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 MAC, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Tanah 36 keluarga Kampung Nenas dapat status pegangan kekal

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT TENGAH - Selepas 37 tahun menanti, akhirnya 36 keluarga pelbagai kaum yang menduduki tanah pajakan di Kampung Nenas di sini mendapat status pegangan kekal daripada Kerajaan Negeri hari ini.**

**Ketika mengumumkan perkara tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang hari ini berjaya menyelesaikan masalah malar segar tersebut tidak sampai 37 bulan, demi penduduk yang terdiri oleh pelbagai kaum.**

**"Pemberian melibatkan 80 lot, kira-kira 4 ekar, dibeli oleh penduduk 37 tahun lalu, sekurang-kurangnya hari ini boleh diselesaikan dan diwarisi oleh anak mereka,"** jelasnya pada majlis penghargaan khas anjuran Persatuan Penduduk Kampung Nenas sendiri baru-baru ini.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai serta Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Hadir sama, ADUN Jawi, Soon Lip Chee.

Dalam pada itu, Kasthuriraani memberitahu bahawa 36 penduduk Kampung Nenas mendapat pegangan kekal atas lot tanah masing-masing kerana Kerajaan Negeri hari ini menurut Perlembagaan mempunyai kuasa atas tanah di Pulau Pinang.

"Baru-baru ini, seorang Menteri menyatakan hasrat untuk menjadikan seluruh negeri Pulau Pinang sebagai Wilayah Persekutuan yang baharu.

"Jika Pulau Pinang bukan lagi sebagai negeri di bawah Persekutuan, ini bermakna semua rakyat tidak mempunyai kuasa untuk memiliki pemimpin yang patut menubuhkan Kerajaan Negeri, dan kuasa atas tanah juga tidak lagi wujud sebagaimana yang Kerajaan Negeri hari ini boleh putuskan untuk penduduk Kampung Nenas," jelasnya sambil menyeru supaya seluruh rakyat terus memberi mandat kepada Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

Difahamkan, penduduk-penduduk berkenaan lebih 30 tahun lalu membeli tanah lot 3470 seluas 167.23 meter persegi hingga 282.89 meter persegi daripada tuan tanah persendirian.

Pun begitu, segelintir penduduk menggunakan tanah berstatus pertanian untuk tujuan komersial, hingga dirampas oleh Kerajaan Negeri ketika itu.

Pada 24 Februari 2014, mereka memohon pemilikan semula tanah tersebut dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri hari ini pada 12 Mac tahun sama dengan kenaan 100 peratus atas premium tanah.

Penduduk pada 7 April 2014 sekali lagi memohon Kerajaan Negeri supaya mengurangkan premium tanah.

Kerajaan Negeri pada 23 Oktober tahun sama meluluskan bayaran hanya 10 peratus daripada kadar premium asal untuk tempoh pemberi milikan 60 tahun atau 90 tahun.

Selepas itu, Kerajaan Negeri menukar status tanah daripada pegangan pajakan (*leasehold*) kepada pegangan kekal (*freehold*), selepas sekali lagi menerima rayuan daripada penduduk kampung berkenaan.





**PENDUDUK Kampung Nenas dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tengah memegang plakad 'Saya ❤ Pulau Pinang' bersama-sama Ketua Menteri serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri PH lain sebagai tanda sokongan kepada kempen berkaitan pada majlis penghargaan khas anjuran Persatuan Penduduk Kampung Nenas di sini baru-baru ini.**

Penduduk, **ABDUL MAJID @ HASSAN MOHD. HUSSAIN**, 78, yang ditemui kemudian memberitahu, beliau tidak menyangka bahawa Kerajaan Negeri hari ini sanggup mengutamakan permohonan penduduk, walaupun tanah tersebut boleh dibangunkan dengan pelbagai projek komersial lain.

"Semasa itu kami, penduduk-penduduk membeli tanah ini dalam satu geran, tetapi selepas lebih 30 tahun baru impian kami dikotai oleh Kerajaan.

"Saya begitu gembira...saya mungkin sudah tua tapi tanah ini boleh didiami oleh anak-anak suatu hari nanti," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng.

Beliau turut memuji komitmen Kasthuriraani yang mengetengahkan kembali isu malar segar tersebut kepada Kerajaan Negeri.

Ibu tunggal, **T. MANOHARI**, 63, turut memuji pentadbiran Kerajaan Negeri kerana mengutamakan hasrat penduduk Kampung Nenas yang berbilang kaum.

"Saya sudah beli tanah ini 35 tahun lalu, saya begitu gembira, dan majlis (jamuan malam) ini dianjurkan oleh persatuan penduduk untuk menghargai keprihatinan Kerajaan Negeri.

"Dalam kampung ini semua kaum ada, dan Kerajaan Negeri tunjuk komitmen dengar pendapat penduduk Kampung Nenas yang pelbagai kaum ini," jelasnya yang ditemani anak perempuannya, S. Jaya Bavani, 22.



**ABDUL Majid @ Hassan Mohd. Hussain (tengah) bersama-sama ahli keluarganya merakamkan gambar penghargaan selepas menerima surat pegangan kekal lot tanah mereka daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini.**



**T. MANOHARI bersama-sama anaknya, S. Jaya Bavani.**

# Kempen 'Saya ♥ Pulau Pinang' demi pertahan Pulau Pinang melalui kasih-sayang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berjanji akan terus mempertahankan Pulau Pinang daripada pihak yang mahu 'menghapuskan' negeri ini supaya ia lenyap dan hilang daripada tanah air dengan menukarnya kepada Wilayah Persekutuan.

"Kita akan pertahankan TYT (Tuan Yang Di-Pertua) yang kita kasihi... kita akan membela hak rakyat Pulau Pinang untuk memilih Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Exco dan Ketua Menteri yang tinggal di Pulau Pinang dan bukan di Putrajaya.

"Justeru, Kerajaan Negeri melancarkan kempen menyelamatkan Pulau Pinang melalui kasih sayang, iaitu 'Saya ♥ Pulau Pinang'," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2017 Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

TYT, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff hadir sebagai tetamu khas majlis.

Turut memeriahkan penganjuran, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri II, Prof Dr. P. Ramasamy; barisan Exco, ADUN-ADUN; Ahli-ahli Parlimen; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; kakitangan-kakitangan awam dan para pemimpin masyarakat tempatan.


DR. Abdul Rahman Abbas dan isteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan acara *lor sang* pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut serta, hampir 5,000 hadirin yang hadir untuk bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri meraikan sambutan Tahun Baru Cina 2017.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut menggariskan beberapa kejayaan penting Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH).

Antaranya, lebihan belanjawan selama lapan tahun berjumlah RM574juta; program-program kebajikan Emas hasil dividen anti rasuah; pengecualian cukai pintu serta rebat; penyerapan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak RM55.19 juta untuk 1.6 juta penduduk Pulau Pinang.

Selain acara *lor sang*, pelbagai persembahan tarian kebudayaan dan nyanyian turut dipersembahkan selain sajian makanan yang enak.

# 6 tahun urus kes anak KM dituduh cabul dipersoal

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mempersoal kelewatan pihak berkaitan menguruskan kes anak lelakinya yang dituduh mencabuli rakan sekolah pada enam tahun lepas.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata demikian kepada pemberita, selepas dirakam keterangan polis di Pejabat Ketua Menteri pada 2 Mac lalu.

"Saya pun rasa hairan, mengapa begitu lama masih belum ada tindakan.

"Tentulah saya mahu teruskan kes ini dan rujuk ke mahkamah, sebab itu saya membuat aduan polis atas nasihat polis sendiri sebelum ini.

"Kenapa ambil keterangan sekarang tanya sama ada saya mahu teruskan kes dan dakwa orang jahat ini di mahkamah, sekarang," soalnya yang juga Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) pada sidang media di sini.

Sebelum itu, Guan Eng yang ditemani Pegawai Khas Undang-Undangnya, Raja Syarafina Raja Shuib dirakam keterangan oleh dua pegawai polis.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih bagaimanapun merakamkan penghargaan kepada dua pegawai polis berkenaan kerana datang merakamkan keterangan kes berkaitan.

Tahun 2011, beberapa blog mesra pembangkang Pulau Pinang telah menyiarkan laporan anak lelaki Guan Eng mencabuli rakan sekolahnya.

Blog berkenaan turut mendakwa bahawa keluarga mangsa kononnya telah dibayar RM200,000 untuk menutup mulut berhubung kejadian berkaitan.

Pun begitu, tular di media sosial bahawa identiti sebenar perempuan yang dituduh mangsa cabul anak Guan Eng itu sebenarnya adalah pemain catur profesional warganegara Hong Kong, serta direkodkan tidak pernah bertandang ke Pulau Pinang.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari ketika menjadi Pegawai Khas Ketua Menteri ada membuat aduan polis pada 31 Oktober 2011.



# Pinjaman TUTM, Hafizan berhasrat buka 'kebun' baru kelulut

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & MOHD. HAFIZAN ABDUL RASHID**

**GEORGE TOWN** – Ternakan lebah kelulut cukup sinonim dengan industri asas tani yang diusahakan di kawasan luar bandar.

Selain memberi pulangan lumayan, penternakan lebah kelulut turut dijadikan tarikan kepada mereka yang ingin melihat sendiri 'kebun' ternakan lebah kelulut ini.

Bagi Mohd. Hafizan Abdul Rashid, 30, dari Alma, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT), beliau memulakan penternakan lebah kelulut semenjak melihat kejayaan rakannya yang merupakan salah seorang penternak lebah kelulut.

Bermula hanya sekadar suka-suka, kini beliau mula menitip hasil yang lumayan menerusi 30 sarang lebah kelulut yang diusahakannya.

"Walaupun pada mulanya saya sedikit ragu, namun, setelah melihat kawan-kawan dan berkat usaha serta keyakinan diri, saya mengorak langkah cuba berjinak-jinak dengan lebah kelulut.

"Saya hanya menggunakan kawasan halaman berdekatan rumah untuk ternakan ini dan kini saya telah memiliki 30 sarang lebah kelulut," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Menurut anak ketiga daripada lima beradik itu, penternakan lebah kelulut tidaklah cerewet, namun memerlukan pemantauan yang konsisten bagi memastikan lebah kelulut dapat menghasilkan madu.

"Lazimnya, kebanyakan penternak lebah kelulut menternak kelulut jenis *Heterotrigona Itama* kerana senang diperoleh. Saya sendiri membelinya di Baling (Kedah) dan Kelantan.

"Cuma, cabaran penternakan lebah kelulut ini terletak kepada keadaan cuaca, misalnya tahun lalu, cuaca panas yang berpanjangan telah menyebabkan lebah kelulut kurang menghasilkan madu.

"Begitu juga penyakit, lebah kelulut boleh terdedah kepada penyakit sekiranya keadaan cuaca terlampau panas," katanya.

Apabila ditanya perancangan masa hadapan, Hafizan berkata beliau berhasrat untuk menambah bilangan sarang lebah kelulutnya.

"Baru-baru ini saya ada terima pinjaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) dan saya bercadang untuk membuka 'kebun' baru.

"Kali ini saya mencari kelainan, saya akan tanam pokok tin jenis 'Iraqi' sebanyak 150 pohon dan menambah bilangan log atau sarang lebah kelulut berbanding sebelum ini, yang mana saya lebih banyak menggunakan bunga-bungaan sebagai makanan kepada kelulut.

"InshaAllah, saya percaya penghasilan madunya nanti akan lebih baik, berkualiti dan lebih manis berbanding menggunakan bunga-bungaan sebagai makanan," jelasnya yang telahpun memperoleh hasil daripada penanaman pokok tin.

Memandangkan masih baru, hasil madu lebah kelulut milik Hafizan hanya dijual kepada kenalan dan penduduk kampung yang sering bertandang ke rumahnya.

"Biasanya, madu akan diambil sebulan sekali atau dua kali, bergantung kepada musim, tetapi saya memang tidak komersialkannya (penjualan madu) lagi kerana saya kena memastikan pengeluaran memenuhi permintaan," ujarnya yang berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana terus memberi sokongan kepada golongan belia untuk menceburi bidang asas tani.

Terdahulu, pada 15 Februari lalu, seramai sembilan penerima menerima pinjaman melalui TUTM kali keempat.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang ditemui pada majlis penyampaian cek TUTM berkata, tujuan penubuhan tabung tersebut adalah bagi memberi bantuan pinjaman mikro kredit kepada usahawan tani muda berumur 40 tahun dan ke bawah.

"Tabung ini merupakan galakan kepada golongan muda khususnya, untuk menceburi bidang pertanian, penternakan dan perikanan sebagai kerjaya yang berpotensi mendatangkan hasil yang lumayan.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) juga dalam usaha untuk menambahkan jumlah bantuan pinjaman daripada RM5,000 kepada RM10,000, RM15,000 dan RM20,000.

"Peningkatan jumlah bantuan ini adalah bagi membantu usahawan muda mengembangkan perusahaan mereka di samping meningkatkan lagi sumber pendapatan mereka dan juga dapat meningkatkan KDNK (Keluaran Dalam Negeri Kasar) Pulau Pinang," ujarnya pada majlis berkaitan.




**MOHD. Hafizan Abdul Rashid (dua dari kanan) bersama-sama penerima lain bergambar kenangan dengan Ketua Menteri dan Dr. Afif Bahardin (enam dari kanan) pada Majlis Penyampaian Cek TUTM di sini baru-baru ini.**



**ANTARA sarang lebah kelulut yang diusahakan oleh Mohd. Hafizan.**

# FAP ambil perhatian aspek konstruktif memorandum - Zairil

**GEORGE TOWN** - Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Zairil Khir Johari mengharapkan sokongan seluruh penyokong dan peminat bola sepak Pulau Pinang bagi menyemarakkan semangat mereka menghadapi perlawanan Liga Super musim ini.

Zairil berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung memorandum Kelab Penyokong Gabungan Pulau Pinang yang diserahkan kepada Ketua Menteri di Komtar di sini baru-baru ini.

"Kami (FAP) telah ambil perhatian isi kandungan memorandum yang dikemukakan oleh penyokong, ada yang konstruktif dan ada juga yang destruktif, dan pastinya kami akan melihat komen-komen ini dari aspek konstruktif.

"Kami di FAP juga pastinya mengambil maklum kebimbangan para penyokong, cuma apa yang saya harapkan adalah penyokong dapat menunjukkan sokongan kepada pasukan bola sepak kita dan bukannya mengkritik atau menghina pemain-pemain kita kerana ia tidak membantu," katanya pada sidang media di sini 28 Februari lalu.

Beliau menegaskan bahawa FAP kini menumpukan kepada pemain-pemain tempatan yang separuh daripadanya adalah berusia 22 tahun ke bawah, justeru, beliau berharap para penyokong dapat memberikan mereka peluang demi masa depan arena bola sepak negeri.

"Ada pemain yang tertekan termasuk pemain-pemain muda.

"Tahun lepas, kita kalah enam perlawanan dan menang satu (perlawanan). Tahun ini, secara asasnya sama, namun respons diberikan tahun ini adalah berbeza yang mana tahun lalu tiada memorandum dan demonstrasi diadakan.

"Tapi, bila saya di sana (memegang jawatan Presiden FAP), banyak yang berlaku," ujarnya sambil menjelaskan bahawa semua keputusan adalah dibuat secara kolektif dan merupakan keputusan bersama FAP.

Mengulas lanjut, Zairil menyatakan bahawa beliau secara peribadi tidak akan putus asa hanya disebabkan beberapa 'pencetus' masalah kini.

"Saya sendiri menerima dua ugutan bunuh dan saya telah serahkan kepada pihak polis untuk siasatan lanjut.

"Malah, jurulatih juga menerima ugutan sama dan ia juga telah diserahkan kepada pihak polis," jelasnya sambil menyatakan bahawa lantikan beliau oleh FAP dan bukannya oleh dirinya sendiri.

Zairil dalam pada itu turut meminta para penyokong agar tidak mencetuskan sebarang kekecohan yang melampau.

"Misalnya kekecohan ketika melawan Sarawak baru-baru ini, ada yang merusuh di luar stadium dan saya harap perkara seperti ini tidak lagi berulang. Kami (FAP) terima sebarang kritikan secara aman, dan bukannya melalui rusuhan atau keganasan seperti itu," katanya.



**ZAIRIL Khir Johari.**

# KN lulus peruntukan RM199,900 naik taraf & bekal kelengkapan asas Jeti Nelayan Changkat

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**JAWI -** Seramai 113 nelayan menarik nafas lega apabila permohonan mereka untuk menaik taraf Jeti Nelayan Changkat memperoleh perhatian Kerajaan Negeri.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Ketua Menteri, telah meluluskan peruntukan RM199,900 untuk menaik taraf jeti sedia ada kepada jeti konkrit dan surat kelulusan serta lantikan kontraktor telah dikeluarkan pada 28 Disember lalu.

"Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan RM100,000 untuk menaik taraf Jalan Pulau Burung hingga ke Pengkalan Jeti Changkat demi keselesaan nelayan serta kaki-kaki pancing.

"Bagi bekalan elektrik dan air bersih pula, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memberitahu bahawa mereka mempunyai kekangan disebabkan jeti terletak di kawasan yang agak terpencil.

"Namun, kita (Kerajaan Negeri) akan cuba dapatkan peruntukan untuk membekal tenaga elektrik menggunakan panel solar dan berbincang dengan pihak PBAPP untuk pembekalan bekalan air mentah ke sini nanti," umumnya pada Majlis Pengumuman Memanjangkan Kerja-kerja Pembinaan Jeti Nelayan Changkat di sini 18 Februari lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee; Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Mohd Ali Sebran; Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), H'ng Mooi Lye serta Heng Yeh Shiuan dan Ketua Unit Nelayan Changkat, Abdul Rahman Ibrahim.

Inisiatif tersebut adalah lanjutan daripada program Jelajah Sedia Mendengar ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi yang diketuai oleh Kon Yeow bersama-sama Lip Chee, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan pada Oktober tahun lalu.

Dalam pada itu, menurut Abdul Rahman, jeti tersebut mula dibina pada tahun 2008 menggunakan peruntukan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dengan kos melebihi RM500,000.

"Sejak dibina, kemudahan asas seperti bekalan air, surau, tandas dan tempat letak kereta tidak disediakan.



ABDUL Rahman Ibrahim.

"Malah, bekalan tenaga elektrik melalui papan solar yng disediakan sudah rosak dan tiada penyelenggaraan," jelasnya.

Tambah Abdul Rahman, sejak memegang jawatan sebagai ketua unit pada tahun 2012, beliau telah beberapa kali membuat permohonan kepada LKIM supaya menyediakan kemudahan asas di jeti berkaitan.

"Namun, jawapan yang diterima adalah menghampakan dan pihak berkaitan memberi alasan tiada peruntukan.

"Alhamdulillah, hari ini (18 Februari), dengan pengumuman oleh Kerajaan Negeri, para nelayan di sini bakal menikmati jeti yang mempunyai kemudahan asas lengkap dan impian untuk menjadikan tempat ini sebagai kawasan pelancongan bakal menjadi kenyataan," ujarnya syukur.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman menyatakan bahawa program turun padang seperti Jelajah Sedia Mendengar (yang dijalankan sebelum ini) oleh kepimpinan Kerajaan Negeri merupakan sejarah buat nelayan-nelayan di sini kerana ia tidak pernah dibuat wakil rakyat terdahulu.

"Malah, sebagai inisiatif khas, YB Soon (Lip Chee) sendiri telah lebih dari 10 kali datang melawat ke jeti ini untuk mendengar masalah yang dihadapi oleh para nelayan sebelum program jelajah itu diadakan," katanya.

Difahamkan, kawasan Jeti Nelayan Changkat merupakan tumpuan kaki-kaki pancing dari dalam dan luar negeri untuk pergi ke tengah laut terutamanya pada hari minggu.



CHOW Kon Yeow (enam dari kanan), Soon Lip Chee (tiga dari kanan) serta pihak-pihak terbabit mengadakan lawatan ke sekitar Jeti Nelayan Changkat di sini baru-baru ini.

**KETETAPAN JADUAL PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM KEBAJIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2017**

| Program Penghargaan Warga Emas | Tarikh Bayaran | Kaunter Khas | Bayaran Melalui |
|---|---|---|---|
| Fasa 1/ 2017 | 13 Mac - 24 Mac 2017 | 11&12 Mac | Maybank |
| Fasa 2 /2017 | 7 Ogos - 18 Ogos 2017 | TIADA | Pejabat Daerah |
| Fasa 3/ 2017 | 13 Nov - 24 Nov 2017 | 11&12 Nov | Pejabat Daerah |

| Program Bantuan Ibu Tunggal | Tarikh Bayaran | Kaunter Khas | Bayaran Melalui |
|---|---|---|---|
| Fasa 1/ 2017 | 8 Mei - 19 Mei 2017 | TIADA | Pejabat Daerah |
| Fasa 2 /2017 | 13 Nov - 24 Nov 2017 | 11&12 Nov | Pejabat Daerah |

| Skim Pelajar Emas | Tarikh Bayaran | Kaunter Khas | Bayaran Melalui |
|---|---|---|---|
| Fasa 1/ 2017 | 7 Ogos - 18 Ogos 2017 | TIADA | Maybank |
| Fasa 2 /2017 *(Daerah Timur Laut sahaja) | 30 Okt - 10 Nov 2017 | 28 & 29 Okt | Pejabat Daerah |
| Fasa 2 /2017 (Kecuali Daerah Timur Laut) | 13 Nov - 24 Nov 2017 | 11&12 Nov | |

| Program Ibu Emas | Tarikh Bayaran | Kaunter Khas | Bayaran Melalui |
|---|---|---|---|
| Fasa 1/ 2017 | 5 Jun - 16 Jun 2017 | TIADA | Maybank |
| Fasa 2 /2017 *(Daerah Timur Laut sahaja) | 30 Okt - 10 Nov 2017 | 28 & 29 Okt | Pejabat Daerah |
| Fasa 2 /2017 (Kecuali Daerah Timur Laut) | 13 Nov - 24 Nov 2017 | 11&12 Nov | |

| Program Bantuan OKU | Kaedah Bayaran | Tarikh Bayaran | Kaunter Khas |
|---|---|---|---|
| Fasa 1/ 2017 | Tunai | 8 Ogos - 28 Ogos 2017 | TIADA |
| | EFT | Bayaran akan dikreditkan masuk ke akaun penerima di dalam julat tarikh bayaran **8 - 28 Ogos 2017** | |
| Fasa 2/ 2017 | Tunai | 7 Nov - 27 Nov 2017 | |
| | EFT | Bayaran akan dikreditkan masuk ke akaun penerima di dalam julat tarikh bayaran **7 Nov - 27 Nov 2017** | |

Sumber : Pejabat Masyarakat Penyayang Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

# Masalah perumahan, KN hantar usul bersama kepada Perdana Menteri

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) dan parti pembangkang Pulau Pinang (Barisan Nasional, BN) secara rasminya menghantar usul bersama berhubung masalah perumahan yang dihadapi di negeri ini kepada Perdana Menteri dan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2 Mac lalu.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pada sidang media baru-baru ini berkata, usul bersama tersebut adalah untuk menarik perhatian Kerajaan Persekutuan dan BNM agar segera menangani isu-isu perumahan yang berbangkit di negeri ini.

"Secara rasminya, persetujuan (usul bersama) ini mengandungi dua perkara yang memerlukan perhatian dan tindakan segera Perdana Menteri.

"Pertama, pihak Kerajaan Persekutuan dan BNM perlu memandang serius dan menangani masalah kadar penolakan permohonan pinjaman pembiayaan rumah kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan mampu milik (RMM) oleh bank-bank komersial yang begitu tinggi.

"Diikuti, isu penyewaan KR dan KSR yang secara nyatanya melanggar syarat kelayakan penawaran dengan memperkenalkan polisi dan dasar perumahan baru dan/ atau menyemak peruntukan perundangan sedia ada," jelasnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat di sini.

Pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang bersidang November tahun lalu, kedua-dua pihak (Kerajaan Negeri dan Ketua Pembangkang Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid) bersetuju agar satu usul dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan supaya masalah perumahan di Pulau Pinang dapat diselesaikan demi kepentingan rakyat.

Justeru, pada 22 Februari lalu, usul bersama tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Jahara, yang turut dikepilkan bersama sepucuk surat bertarikh 2 Mac 2017 kepada Perdana Menteri berhubung perkara berkaitan.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa ia adalah satu sejarah apabila kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Negeri dan juga pihak pembangkang (BN) membuat persetujuan bersama demi kepentingan rakyat.

"Harapan saya agar isu perumahan ini tidak dipolitikkan, sebaliknya permasalahan perlu ditangani dengan segera.

"Tidak ada gunanya Kerajaan Persekutuan bertungkus-lumus menyediakan KR dan KSR yang banyak, tetapi akhirnya tidak dapat diakses oleh gologan yang sememangnya betul-betul memerlukan.

"Malah, bank-bank komersial di negara ini tidak seharusnya melayan golongan berpendapatan rendah seperti golongan yang mampu membeli rumah kerana mereka ini (golongan berpendapatan rendah) benar-benar memerlukan pinjaman tersebut," jelas beliau.

# Tiada perhatian 'istimewa' untuk pemaju tidak patuh Garis Panduan Perumahan Mampu Milik negeri - Exco

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri tidak akan memberi perhatian 'istimewa' atau khas kepada mana-mana pihak pemaju sama ada daripada agensi swasta mahupun Kerajaan Persekutuan sekiranya sesebuah projek tidak mematuhi Garis Panduan Perumahan Mampu Milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Nada tegas tersebut disuarakan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo sebagai menjawab kenyataan Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman yang dilaporkan dalam sebuah akhbar berbahasa Melayu baru-baru ini.

**Jagdeep berkata, perhatian 'istimewa' yang dimaksudkan oleh Zainal Abidin tidak wujud ekoran semua permohonan yang diterima oleh Kerajaan Negeri dilayan secara sama rata asalkan semua syarat-syarat dipatuhi.**

**"Sama ada agensi swasta ataupun agensi dari Persekutuan perlu mematuhi syarat-syarat di dalam garis panduan perumahan tersebut, barulah kita luluskan.**

"Saya hanya beri respons (kelulusan) pantas sekiranya semua syarat-syarat ini dipatuhi," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Zainal Abidin sebelum itu menggesa Kerajaan Negeri supaya memberikan laluan 'khas' dengan menyegerakan permohonan membabitkan agensi-agensi Persekutuan.

Mengikut rekod, sejak 2013, terdapat 15 projek agensi Persekutuan iaitu masing-masing tujuh projek Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan JKP Sdn. Bhd. (8) tidak diluluskan Kerajaan Negeri akibat daripada tidak patuh kepada garis panduan yang ditetapkan.

Menurut Jagdeep, setelah perbincangan diadakan di antara agensi-agensi berkaitan, projek-projek tersebut telah diteliti semula agar mematuhi syarat-syarat yang dikenakan.

"Setelah PERDA dan JKP mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam garis panduan, maka empat daripada tujuh permohonan yang dikemukakan oleh PERDA telahpun selesai isu harga, ditangguhkan sementara menunggu laporan status tanah (2) dan ditarik balik oleh pihak tersebut (1).



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan paparan berita berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Manakala, lapan projek di bawah JKP masing-masingnya enam telahpun diselesaikan dan baki dua projek lagi masih tertangguh sementara menunggu penyelesaian setinggan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Justeru, **bagi menjayakan pembangunan rumah mampu milik (RMM) di Pulau Pinang, Jagdeep mengalu-alukan sebarang permohonan oleh agensi-agensi Persekutuan berkaitan.**

**"Saya secara ikhlasnya akan membantu agensi-agensi Kerajaan Persekutuan mengatasi masalah ketidakpatuhan syarat-syarat tersebut.**

**"Malah, sekiranya ada rancangan seperti mana yang dinyatakan di dalam kenyataan Datuk Seri Zainal Abidin untuk membina lebih banyak unit perumahan mampu milik di negeri ini, maka sila kemukakan agar kita (Kerajaan Negeri) dapat pastikan terlebih dahulu pematuhan permohonan tersebut agar ia dapat diluluskan segera,"** ujar beliau.

# Produk industri halal adalah untuk semua - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



**KETUA Menteri bersama wakil delegasi dari Jepun mengadakan lawatan ke salah sebuah gerai pameran sambil ditemani Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kanan) dan Dr. Afif Bahardin (kanan sekali) pada Majlis Perasmian PIHEC 2017 di sini baru-baru ini.**

**PANTAI JEREJAK –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menegaskan bahawa produk industri halal adalah untuk semua dan tidak hanya khas kepada golongan-golongan tertentu sahaja.

Guan Eng berkata demikian sebagai membalas kenyataan sesetengah pihak sebelum ini yang menyatakan bahawa beliau seorang yang diskriminasi apabila menyokong industri halal di Pulau Pinang.

"Saya kesal dengan kumpulan cauvinis ini yang menyifatkan penglibatan saya dalam industri halal sebagai diskriminasi kepada kaum tertentu di Pulau Pinang.

"Negara-negara bukan Islam seperti Jepun, Korea, China, Thailand dan lain-lain pun kini giat melibatkan diri dalam industri halal, jadi kenapa kumpulan cauvinis ini mahu pertikaikannya," ucapnya pada Majlis Perasmian Ekspo dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) 2017 dekat *Subterranean Penang International Convention and Exhibition Center* (SPICE) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Dato' Maktar Shapee; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Ahli Lembaga Pengarah Penang International Halal Hub (PIHH), Mohamad Sabu.

Guan Eng dalam pada itu turut memberi jaminan bahawa PIHEC yang dianjurkan oleh PIHH berkaitan akan diteruskan pada tahun hadapan.

"Industri halal dilihat penting, malah di peringkat global, kita boleh menyaksikan transaksi hampir USD3 trilion setahun...negara bukan Islam juga turut terlibat menyediakan produk-produk halal dalam memenuhi permintaan pasaran semasa," jelasnya.

Dalam pada itu, Abdul Malik berkata, PIHEC 2017 merupakan penganjuran kali kelapan dengan menampilkan 330 gerai jualan daripada pelbagai sektor.

"Antaranya, sektor makanan, perubatan, kesihatan, pelancongan, kecantikan, pameran agensi kerajaan serta swasta dan banyak lagi.

"Malah, setiap tahun, kita juga turut menampilkan selebriti-selebriti terkenal tanah air seperti Datuk Fazley Yaakob, Amira Othman dan Fynn Jamal untuk berkongsi pengalaman mereka dan beramah-mesra dengan para peminat," jelasnya merangkap Pengerusi PIHH.

Pada majlis sama, turut berlangsung pertukaran memorandum persefahaman (MoU) antara PIHH dengan *Halal International Selangor* sebagai rakan kerjasama dalam membangunkan industri halal tanah air.

## MSBC kukuhkan pasaran halal & hubungan bilateral P. Pinang – Shaanxi

**PANTAI JEREJAK –** Penubuhan Persatuan Perniagaan Malaysia – Shaanxi atau *Malaysia Shaanxi Business Council* (MSBC) di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada 22 Februari lalu antara lain adalah bagi memperkukuhkan hubungan bilateral antara Pulau Pinang dan wilayah Shaanxi, China sedia ada kini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, wilayah Shaanxi yang terletak di barat China merupakan 'pintu masuk' pasaran halal ke negara Tembok Besar itu.

"Hubungan antara Pulau Pinang dan Shaanxi bukan semata-mata untuk menembusi pasaran halal, malah juga untuk mempromosi serta mengembangkan lagi pelaburan dalam industri halal sedia ada antara kedua-duanya.

"(Dan) dengan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya percaya MSBC akan terus sama-sama membangunkan industri halal termasuk menyediakan khidmat nasihat produk, membuka ruang untuk pasaran tempatan dan memberi peluang pelaburan baharu," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden MSBC, Datuk Joseph Kow dan Pengerusi *Shaanxi Halal Food Chamber of Commerce* (SHFCC), Tie Qun Ping.

Dalam pada itu, Joseph Kow menyifatkan bahawa penubuhan MSBC adalah tepat pada waktunya ekoran terdapat peningkatan permintaan produk pengguna berstatus halal bukan sahaja di China, malah seluruh dunia.

"Di wilayah Shaanxi, sejumlah 8 juta daripada 32 juta populasi adalah Muslim dan kerjasama antara MSBC dan SHFCC akan memberi peluang lebih luas dan mampu memastikan permintaan produk-produk halal dipenuhi," jelasnya yang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana komited dalam memperkasakan industri halal ke seluruh dunia.

## P. Pinang pilihan utama pelaburan subsektor riadah & hotel, lapor CREISS

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang kekal sebagai salah sebuah negeri di Malaysia yang menjadi pilihan utama pelaburan subsektor riadah dan perhotelan.

Menurut maklum balas daripada *Knight Frank's Malaysia* melalui soal selidik *Commercial Real Estate Investment Sentiment Survey 2017* (CREISS), Pulau Pinang dan Sabah dipilih secara undi sebagai kawasan yang paling menarik bagi pelaburan riadah dan hotel.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengulas berkata, Pulau Pinang bukan sahaja mengekalkan statusnya sebagai salah sebuah negeri pilihan utama pelaburan, malah turut diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam pelbagai sektor dan pencapaian.

"Saya percaya, komitmen yang ditonjolkan oleh Kerajaan Negeri selama ini berjaya menjadi salah satu faktor tarikan kemasukan pelabur.

"Pulau Pinang berjaya menjadi negeri yang mesra pelabur, begitu juga dalam pelancongan perubatan, Pulau Pinang dinamakan sebagai bandar utama yang memberi perkhidmatan kesihatan terbaik dengan akses penerbangan antarabangsa.

"(Dan) berdasarkan *InternationalLiving.com*, kelebihan doktor terlatih dan kemampuan bertutur dalam bahasa Inggeris menjadi penyumbang terhadap perkembangan perkhidmatan kesihatan tahun ini," ujarnya yang turut merujuk kepada artikel yang diterbitkan oleh akhbar berbahasa Inggeris, *The Sun* pada 20 Februari lalu bertajuk '*Malaysia ranked first in healthcare, says report*'.

Soal selidik CREISS yang disiarkan melalui *TheEdgeProperty.com* pada 21 Februari lalu melaporkan tarikan untuk pelaburan dalam subsektor perhotelan melonjak daripada 65 peratus pada 2016 ke 93 peratus (2017).

Juga, *Knight Frank's* Malaysia menjangkakan pelaburan dalam subsektor perhotelan kekal stabil dengan jangkaan kadar hotel kekal sepanjang tahun ini.

# KN serius sedia prasarana bertaraf dunia



KOLAM renang bersaiz olimpik yang menjadi tarikan utama.



REKA bentuk Kompleks Sukan Bandaraya Relau.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PAYA TERUBONG –** Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serius dalam menyediakan kemudahan dan infrastruktur bertaraf dunia secara berterusan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, usaha tersebut mencerminkan hasrat Kerajaan Negeri bukan sahaja untuk menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa, malah juga bersih, hijau, sihat dan selamat.

"Inilah bukti bila kita kata, kita mahukan sebuah negeri yang sihat, maka kita bukan cakap saja.

"Kita (Pulau Pinang) ada fasiliti laluan basikal, sistem perkongsian basikal dan kini Kompleks Sukan Relau bertaraf antarabangsa dengan kemudahan kolam renang bersaiz olimpik," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada Majlis Pembukaan Rasmi Kompleks Sukan Bandaraya Relau di sini, 19 Februari lalu.

Turut hadir, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Yeoh Soon Hin (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Paya Terubong); Dato' Patahiyah Ismail (Datuk Bandar MBPP), Ar. Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya MBPP) dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Kompleks sukan tersebut dibangunkan MBPP secara *in-house* dengan peruntukan sejumlah RM21.4 juta yang telah siap sepenuhnya pada 10 Januari lalu.

Selain kolam renang bersaiz olimpik, fasiliti kompleks tersebut termasuk sebuah kolam menyelam, 10 gelanggang badminton, sebuah gimnasium, satu *pro-shop*, kafeteria dan *alfresco* serta kemudahan 97 petak parkir.

Tambah Guan Eng, Kompleks Sukan Bandaraya Relau merupakan fasiliti pertama dalam negara memperoleh penarafan *Silver Rating* (perak) bagi Indeks Bangunan Hijau (GBI).

"Kompleks ini adalah kompleks sukan paling hijau di Malaysia.

"Apa yang menjadikannya unik dan istimewa adalah kerana ia dibangun menggunakan bahan-bahan binaan yang mesra alam sekitar seperti solar panel dan kelengkapan elektrikal yang cekap serta bahagian dalamannya menggunakan bahan-bahan boleh dikitar semula," jelasnya.

Tuntas itu, Guan Eng menyeru masyarakat setempat agar menggunakan kemudahan yang disediakan secara berhemah.

"Ini adalah hadiah daripada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang untuk semua," ujar beliau.



GELANGGANG badminton yang selesa.



# Pusat Konvensyen Setia SPICE dijangka siap 2020

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PANTAI JEREJAK –** Projek naik taraf Pusat Konvensyen Setia SPICE bernilai RM750 juta dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Naib Presiden Eksekutif SP Setia Berhad, Datuk Koe Peng Kang berkata, keseluruhan projek tersebut yang terletak di kawasan seluas 25.0 ekar itu merangkumi lima komponen utama secara berfasa.

Komponen secara berfasa itu menurutnya, termasuk Pusat Konvensyen Setia SPICE, Arena Setia SPICE, Pusat Akuatik Setia SPICE, kanopi Setia SPICE dan hotel kelas perniagaan bertaraf empat bintang.

"Kesemua komponen kini mengikut jadual pembangunan dan kami (SP Setia Berhad) menjangkakan ia akan siap sepenuhnya menjelang tahun 2020 nanti," katanya kepada pemberita sejurus lawatan tapak oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 25 Februari lalu.

Turut serta, barisan Exco Kerajaan Negeri dan wakil-wakil daripada SP Setia Berhad, *Penang International Convention & Exhibition Bureau (PICEB) dan Penang Global Tourism* (PGT).

Menurut Peng Kang, Pusat Konvensyen Setia SPICE sudahpun menerima tempahan awal walaupun masih dalam pembinaan dan acara pertama dilangsungkan pada 4 Mac lalu.

"Dewan Utama di pusat konvensyen ini mampu memuatkan 8,000 tempat duduk secara teater atau tempat duduk secara bankuet (4,000) atau ruang pameran (230).



**KOLAM pancutan air yang terdapat di bahagian atas.**

"Manakala di ruang foyer berkeluasan 2,000 meter kaki persegi (kp), mampu menampung sehingga 1,500 tempat duduk secara bankuet.

"Selain itu, terdapat juga 13 buah bilik mesyuarat pelbagai kapasiti bagi menampung keperluan dan permintaan semasa," jelasnya ketika memberikan taklimat ringkas kepada wakil-wakil media.

Pusat Konvensyen Setia SPICE merupakan pusat konvensyen intergrasi bertaraf antarabangsa yang menawarkan kelengkapan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran atau MICE, makanan dan minuman, penginapan bertaraf empat bintang serta ruang rekreasi di bawah satu bumbung.

Dalam pada itu, Guan Eng ketika ditemui berharap pusat konvensyen berkenaan mampu merangsang perkembangan MICE dan menjadikan Pulau Pinang sebagai pilihan pelabur dan pelancong perniagaan di Malaysia.



**SALAH seorang wakil media mencuba salah satu permainan di taman permainan kanak-kanak istimewa terbesar di Pulau Pinang.**



**AKSI Dr. Afif Bahardin menumbuk *punching ball* berjaya mencuri tumpuan Abdul Malik Abul Kassim.**

# Cepat dapat rawatan doktor bila demam, seru KM

**BAYAN LEPAS -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, menzahirkan rasa simpati terhadap keluarga Minah Kama, 70, berikutan anaknya, Allahyarham Salmah Junus, 46, menjadi mangsa korban wabak denggi terbaru di Teluk Kumbar.

Kes tersebut menjadikan jumlah kematian pada minggu ketujuh pada tahun ini adalah sebanyak empat kes.

"Saya melahirkan rasa bimbang tentang wabak denggi yang meragut nyawa keempat di Pulau Pinang... dan ini adalah mangsa pertama di kawasan pulau serta kawasan kampung yang mana tiga mangsa sebelum ini adalah membabitkan kawasan bandar di Seberang Perai.

"Selain perlu cepat mendapatkan rawatan doktor apabila demam, saya juga ingin menasihati semua supaya cepat-cepat memaklumkan kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) atau pihak berkuasa tempatan (PBT) apabila syak mana-mana lokasi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes," serunya ketika menyerahkan sumbangan kepada Minah dekat Kampung Matahari Naik, Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dan Pegawai Kesihatan Daerah Barat Daya, Dr. Mohamed Iqbal Hamzah.

Allahyarham Salmah meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang (HPP) pada 7 Februari lalu setelah dimasukkan ke Hospital Balik Pulau dua hari sebelumnya.

Dalam pada itu, Dr. Mohamed Iqbal menyatakan bahawa masyarakat perlu memainkan peranan penting terutamanya isu berkaitan kebersihan.

"Masyarakat perlu memberi kerjasama bagi bersama-sama mencegah wabak ini.

"Malah, baru-baru ini, hasil pemeriksaan, Jabatan Kesihatan Daerah Barat Daya turut mengesyaki beberapa kawasan pembinaan setempat kemungkinan menjadi punca penularan wabak denggi di sini dan tindakan segera perlu diambil," jelas beliau.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika melawat serta menyampaikan sumbangan kepada Minah Kama (duduk, dua dari kanan) di sini baru-baru ini.**

*Rujuk juga muka 23.*

# Jelajah Desa ke Penaga bawa mesej silaturahim semua kaum



ROMBONGAN Jelajah Desa Lim Kit Siang menyantuni seorang peniaga Melayu di Pekan Penaga di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**JELAJAH** Desa Lim Kit Siang Ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga baru-baru ini tetap mendapat sambutan pelbagai kaum.

Bercakap kepada pemberita, Ahli Parlimen Gelang Patah berkenaan mengajak seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan agama untuk saling mengeratkan hubungan silaturahim atas semangat Malaysia yang sebenar.

Ini kerana katanya, Kerajaan Persekutuan menjelang pilihan raya umum nanti akan berusaha menyemarak lagi prasangka dalam kalangan rakyat dengan menyebarkan pelbagai berita palsu, untuk terus berkuasa di pusat pentadbiran Putrajaya.

"Semua rakyat yang berbilang kaum dan agama adalah manusia, mesti menguatkan semangat silaturahim (untuk memcegah) syak wasangka dan apa-apa kebencian.

"Tetapi, ada segelintir pemimpin parti sanggup menyebarkan berita-berita palsu kononnya saya sendiri anti Islam dan anti Melayu, demi mengekalkan kuasa politik mereka di Putrajaya," jelasnya dekat Warung Zul Capati di tengah-tengah Pekan Penaga baru-baru ini.

Dalam jelajah itu, Kit Siang diiringi Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai serta Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap ADUN Bagan Jermal).

Turut serta, Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Zahar Zainul; Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Penaga, Ramli Omar; Pegawai Penyelaras Khas Parlimen Kepala Batas, Lay Hock Peng serta dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohamad Shaipol Ismail dan Zulkifly Ishak.

Difahamkan, sebelum ke Penaga, Kit Siang mengetuai acara jelajah desa sama ke Kampung Permatang Tok Subuh dekat Parlimen Bukit Mertajam pada 21 Januari lepas; 22 Januari ke Sungai Gelugor; serta 25 Januari ke Kampung Nelayan, Kampung Paya dan Teluk Kumbar.

Selesai sidang media di Pekan Penaga, jelajah Kit Siang dibawa bertemu golongan peniaga kecil di sini.

Kemudiannya, beliau bersama-sama delegasi ke Surau Kampung Baru, Surau Padang Tembusu serta ke sebuah kampung di Penaga bagi tujuan penyerahan periuk besar untuk kegunaan majlis kenduri keraian kepada pemimpin komuniti setempat.

Rombongan tersebut dibawa melihat pertandingan persahabatan antara pasukan Anak Penaga dan DAP Kepala Batas di gelanggang futsal negeri di sini.

Kit Siang turut mencuri kesempatan menziarahi Hashim Musa, 83, yang mengidap sakit barah usus dengan ditemani isteri, Munah @ Khadijah Ismail, 78.

Di Kampung Padang Tembusu, Kit Siang menyerahkan hamper makanan kepada Sab Hashim, 81, yang lumpuh, ditemani isteri, Khadijah, 70-an serta anak, Suib Sab, 34.

Rombongan berkenaan kemudiannya diraikan dalam majlis jamuan tengah hari di perkarangan rumah Mohamad Shaipol dekat Pengkalan Bogor.

## MBPP peruntuk RM500,000 bina pasar baharu di Teluk Kumbar - Exco

**BAYAN LEPAS -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersetuju membina sebuah pasar baharu yang dianggarkan menelan belanja RM500,000 di Teluk Kumbar sebagaimana dihasratkan oleh penduduk setempat selama ini, umum Chow Kon Yeow.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir itu memberitahu perkara berkaitan ketika program Jelajah Desa Lim Kit Siang Ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

"Pasar yang dicadangkan ini akan dibina di Jalan Teluk Kumbar berdekatan PUSPAKOM, dijangka menelan belanja kira-kira RM500,000.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap ia akan memberi kemudahan yang lebih baik untuk penduduk setempat, khususnya dari kawasan Teluk Kumbar, Gertak Sanggul dan Bayan Lepas," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota kepada pemberita pada 25 Januari lepas di sini.

Turut serta, ADUN Air Itam, Wong Hon Wai yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri serta Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Kon Yeow kemudian membawa rombongan Kit Siang menjelajah beberapa kampung yang didiami majoriti Melayu, antaranya Kampung Nelayan, Kampung Paya dan sekitar kawasan Teluk Kumbar sendiri.



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) ketika menyertai Jelajah KADUN Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Guna mesin teknologi tinggi lupus Al-Quran lama masih dalam pertimbangan - Mufti

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



DR. Wan Salim Wan Mohd. Noor (tiga dari kiri) memimpin bacaan doa sebelum acara melupuskan abu Al-Quran lama ke laut di sini baru-baru ini.



ABU naskah Al-Quran dilupuskan ke laut oleh beberapa pihak terlibat.

**BATU UBAN –** Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor berkata, pihaknya sedang mempertimbangkan untuk membeli mesin berteknologi tinggi untuk tujuan melupuskan Al-Quran lama di negeri ini.

Beliau berkata demikian pada majlis pelupusan abu naskah Al-Quran lama dekat Jeti Ibu Pejabat Polis Marin Wilayah Utara, Batu Uban di sini baru-baru ini.

"Dianggarkan kos mesin tersebut bernilai RM40,000 dan kita akan kaji terlebih dahulu keberkesanannya sebelum membuat keputusan untuk memiliki mesin tersebut yang lebih mudah dan jimat," ujarnya kepada pemberita sambil memberitahu bahawa mesin tersebut dihasilkan oleh sebuah universiti awam.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man; Pegawai Daerah Barat Daya, Ederis Mat Din; Komander Pasukan Gerakan Marin Wilayah Utara, Deputi Superitendan (DSP) Rosli Sufian serta kakitangan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Inisiatif tersebut turut memperoleh kerjasama dan bantuan bot Polis Marin Wilayah Utara.

Menurut Wan Salim, kaedah bakar dan lupus di laut yang diamalkan sekarang merupakan kaedah paling selamat dan tanpa ragu-ragu berbanding pelupusan di darat.

"Sebenarnya boleh juga lupus di darat, tetapi kita lebih berhati-hati dan ingin menjaga kehormatan kitab suci Al-Quran, takut-takut jika ada yang melangkah atau mengotori tempat yang ditanam," jelasnya.

Dalam pada itu, bercakap pada sidang media sama, Mohd. Salleh memberitahu, pusat pengumpulan naskah Al-Quran lama bagi negeri Pulau Pinang ditubuhkan pada 2015 di Masjid Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

"Ini merupakan pelupusan kali kedua yang kita laksanakan selepas penubuhannya, kali pertama kita sudah lupuskan pada pertengahan tahun 2016," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan (ADUN) Permatang Pasir.

Difahamkan, sebanyak lima tan abu naskah Al-Quran lama dilupuskan dekat 12 batu nautika dari jeti tersebut (perairan Pulau Kendi) di bawah kelolaan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



# Sumbangan Tahunan RM100 Kepada Warga Emas bermula 13 Mac hingga 24 Mac 2017

Salam Sejahtera.

**SEJAK** tahun 2008, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan telah berjaya mentadbir Negeri Pulau Pinang dengan Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) dalam memikul amanah rakyat. Sistem tender terbuka yang diamalkan Kerajaan Negeri telah membuka mata banyak pihak dan telah diberi pujian oleh *Transparency International* sebagai kerajaan "pertama" di Malaysia yang mengamalkan sistem ini.

Secara tahunan, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan telah memberikan sumbangan kepada rakyat melalui program-program emas seperti Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan OKU, Program Bantuan Ibu Tunggal dan Program Ibu Emas dengan sumbangan sebanyak RM100.

Dalam pada itu, bagi meringankan beban ibu bapa, Kerajaan Negeri turut memberikan bayaran secara *one-off* RM100 kepada Pelajar Tahun 1 dan 4 serta Tingkatan 1 dan 4 di bawah Skim Pelajar Emas; RM200 (*one-off*) melalui Program Anak Emas serta RM1,000 (*one-off*) kepada mahasiswa.

Bagi meringankan beban waris warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) dalam pengurusan jenazah, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan akan memberikan bantuan secara *one-off* RM1,000.

**Jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi Program Emas dan pemberian bantuan kepada sekolah dari tahun 2008 hingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM412.63 juta yang buat kali pertama diterima oleh 1.6 juta rakyat Pulau Pinang yang sebelum ini tidak menerima sebarang sumbangan daripada Kerajaan Negeri.**

**Agenda Ekonomi Saksama (AES)**

“Rakyat Pulau Pinang selalu bercakap mengenai peri penting mencintai Pulau Pinang... (maka) apabila kita (FMM) memberi lebih (manfaat melalui CSR), kita yakin akan mendapat lebih (pulangan untung keberkatan),” jelasnya pada sidang media promosi forum tersebut di Wisma FMM Pulau Pinang di sini 24 Februari lalu.

Hadir sama, Pengarah Penganjur Forum CEO FMM 2017, Lim Wei Yee; anggota FMM Pulau Pinang, Jimmy Ong; Pengarah Wilayah Pulau Pinang & Kedah OCBC Bank, Cheah Hak Tee; Pengarah Bahagian Perniagaan NationGate Solution (M) Sdn. Bhd. (NationGate), Foong Chee Leong dan Pengarah Sumber Manusia & Bahagian Pentadbiran NationGate, David Lim Kee Beng.

Menurut Eng Hock, penganjuran tersebut merupakan yang kali kedua selepas forum serupa berjaya dianjurkan pada tahun 2015.

Beliau memberitahu, Presiden FMM, Tan Sri Dr. Lim Wee Chai yang juga Pengerusi Eksekutif Top Glove Sdn. Bhd.; bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz; Pengerusi Alangka-Suka Hotels & Resorts Berhad serta Holiday Villa Hotel & Resorts, Tan Sri Azman Shah Haron; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Ong Eng Bin; Presiden dan CEO ViTrox Corporation, Chu Jenn Weng serta Presiden dan CEO Institut Integriti Malaysia, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff dijangka hadir sebagai panel pembentang dalam forum sehari mulai jam 8 pagi hingga 5 petang berkenaan.

Tambah Eng Hock, mantan Presiden FMM, Tan Sri Saw Choo Boon yang juga Penasihat Heineken Malaysia Berhad akan menjadi moderator forum pada sesi pagi; manakala sesi petang, Michel Van Crombrugge (Pengurus Negara Paramit Malaysia Sdn. Bhd.).

“Ikon sukan negara, Mohd. Faiz Subri yang memenangi Anugerah PUSKAS FIFA 2016 turut dijemput muncul bersama-sama kita dalam forum ini nanti,” jelasnya lanjut.

Sebarang pertanyaan, hubungi Saguna menerusi emel, *saguna@fmm.org.my* atau Owe Yean Roei (*yean_roei@fmm.org.my*) atau atas talian, 04 - 399 2057 atau faksimili 04 - 399 4863.

Pendaftaran lengkap peserta mesti dibuat sebelum 24 Mac ini.



# YDP sasar kadar kitar semula 2017 cecah 44 peratus

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mensasarkan kadar kitar semula bagi tahun ini meningkat 2 peratus mencecah 44 peratus, berbanding 42.6 peratus yang dicapai pada tahun lalu.

Mengulas lanjut, Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, sasaran itu boleh dicapai jika mengambil kira sambutan berterusan berhubung pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang mula sejak 1 Jun tahun lepas.

"Saya daripada mula lagi sasar 50 peratus ini... Kerajaan Negeri sasar 50 peratus kadar kitar semula pada tahun 2020, tetapi di Seberang Perai pada tahun 2016 sudah mencapai 42.6 peratus.

"Kalau boleh penjanaan sampah pun, saya sasar nak kurangkan 50 peratus sekarang, berbanding 1,100 tan sehari yang direkodkan (kini).

"Kebiasaannya (kadar kitar semula), naik 1 peratus saban tahun, tapi kita (MPSP) cuba mencapai sasaran bersama (iaitu) naik 2 peratus menjadi 44 peratus," jelasnya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Pertandingan Kitar Semula F&N 2017 di sini baru-baru ini.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud serta dua wakil penganjur bersama iaitu, Pengurus Korporat Fraser & Neave (F&N) Holdings Berhad dan Terrynz Tan (*Environment Director Malaysia, Singapore & Philippines Tetrapak Malaysia Sdn. Bhd.*).

Kira-kira 675 murid dan guru daripada 175 sekolah meliputi ketiga-tiga daerah Seberang Perai hadir pada majlis pelancaran tersebut.

Berdasarkan rekod MPSP, Maimunah memberitahu, sejumlah 168,000 tan bahan kitar semula berjaya dikumpul dalam tempoh enam bulan sebelum Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dilaksanakan pada 1 Jun 2016.

"Dalam tempoh enam bulan berikutnya, iaitu mulai Jun hingga 31 Disember 2016, kita (MPSP) kutip 227,000 tan bahan kitar semula, dengan berat kenaikan 59,000 tan atau 35 peratus," jelasnya.




**MAIMUNAH Mohd. Sharif (tengah) menyempurnakan gimik Majlis Pelancaran Pertandingan Kitar Semula F&N 2017 di sini baru-baru ini.**

Maimunah dalam pada itu sekali lagi mengulangi bahawa MPSP mampu menjimatkan belanja *tipping fee* kira-kira RM4 juta setahun, sekiranya sampah-sarap yang dikumpul dan dihantar ke Pusat Pelupusan Sisa Pulau Burong setiap hari berjaya dikurangkan sebanyak 50 peratus, menjadi 550 tan sahaja.

## Usahasama pulihara Sg. Derhaka MPSP, dua syarikat diteruskan

**SEBERANG JAYA –** Usahasama projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat South Island Garment Sdn. Bhd. (SIG) dan Armstrong Technology Sdn. Bhd. bersama-sama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan diteruskan bagi merawat air Sungai Derhaka di sini.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud memberitahu, sepanjang tahun lalu, sebanyak 11 kali lontaran bebola selut (*mud balls*) dilaksanakan dan inisiatif CSR sebelum ini dikenal pasti menunjukkan hasil.

"Persampelan air sungai ini juga telah diambil sebanyak tiga kali untuk bacaan ujian *biological oxygen demand* (bod), *carbon dioxide demand* (cod), *suspended solid* (ss) dan *potential of Hydrogen* (ph).

"Hasil daripada persampelan ini, terdapat penambahbaikan kualiti air dalam bacaan kedua, berbanding bacaan pertama.

"Namun, bagi bacaan ketiga, terdapat kemerosotan terhadap kualiti air untuk keempat-empat jenis ujian yang dijalankan," katanya pada Majlis Pelancaran Rasmi Program Pemuliharaan Sungai Derhaka di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Besar SIG, Lim Eng Chuan dan Loy Cheah (Pengurus Operasi Armstrong Technology Sdn. Bhd.).

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu, usaha memulihara kualiti air di bahagian Seberang Perai sebenarnya perlu dilaksanakan secara berterusan.

Justeru, ujarnya, MPSP memerlukan komitmen sektor korporat serta komuniti setempat demi memulihara semula kualiti air sungai negeri.

"Selain tidak menyalurkan air limbah atau *grey water* sewenang-wenangnya ke dalam sungai, kita (MPSP) juga perlu memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat, agar tidak membuang sampah merata-rata sehingga mengganggu ekosistem alam," serunya.



**SR. Rozali Mohamud (berkopiah putih) memulakan lontaran *mud balls* ke dalam Sungai Derhaka sebagai gimik majlis pelancaran rasmi program pemuliharaan sungai berkenaan di sini baru-baru ini.**

## Kempen kitar semula MPSP berjaya kurangkan sampah

**BERAPIT –** Sebanyak 6,451.89 tan sampah berjaya dikurangkan daripada memasuki tapak pelupusan sampah Pulau Burong pada 2016 berbanding tahun 2015 hasil kempen kitar semula yang giat dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud ketika berucap pada Majlis Pelancaran Sisa Sifar FYS Marketing Sdn. Bhd. (sebuah syarikat kuari) dan Taman Mutiara Jaya di sini baru-baru ini.

"Pada tahun 2016 di Seberang Perai, jumlah berat sampah yang masuk ke Pulau Burong ialah 434,008.51 tan, manakala 440,460.40 tan (2015). Apabila jumlah sampah berkurangan, MPSP secara tidak langsung dapat menjimatkan perbelanjaan dan seterusnya lebihan tersebut dapat disalurkan bagi pembangunan infrastruktur lain.

"Satu kajian yang dijalankan oleh badan pemikir Kerajaan Negeri iaitu *Penang Institute* (PI) menunjukkan, berat sampah per kapita di Seberang Perai juga semakin menurun iaitu dari 1.6 kilogram (tahun 2008) kepada 1.3 kilogram (tahun 2015)," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis bagi MPSP dan Pengerusi FYS Marketing Sdn. Bhd., Zeems Foo Kheng Sin.

Menurut Rozali, kadar kitar semula di Seberang Perai turut meningkat dari 39.64 peratus pada 2015 kepada 42.60 peratus (2016).

Beliau dalam pada itu sekali lagi mengingatkan kepada umum bahawa bermula 1 Jun 2017, MPSP akan menguatkuasakan sepenuhnya Dasar Pengasingan Sisa Di Punca.

"Dalam tempoh enam bulan pertama iaitu pada 1 Jun 2016 hingga Disember 2016, kita (MPSP) anggap ianya tempoh percubaan dan dalam jangka masa itu, MPSP merekodkan kutipan sisa di punca sebanyak 252.86 tan.

"Namun, dengan kempen serta notis yang sudah dihantar kepada kebanyakan premis, jumlah ini diharap dapat ditingkatkan lagi," seru Rozali.

# Jamuan teh bersama-sama TYT rai kejayaan Mohd. Faiz

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**RAI...** Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas baru-baru ini berkenan menjemput Pemenang Anugerah Puskas FIFA 2016, Mohd. Faiz Subri ke Seri Mutiara bagi menikmati jamuan teh bersama-samanya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut hadir menyerikan majlis berkaitan baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Abdul Rahman berkenan menyampaikan cenderahati kepada Mohd. Faiz. Malah, isteri Abdul Rahman, Toh Puan Majimor Shariff turut menyampaikan cenderahati kepada isteri Mohd. Faiz, Nurzawanis Hashim.

Hadir sama,Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Zairil Khir Johari serta barisan kepimpinan persatuan berkenaan.



**DR. Abdul Rahman Abbas (empat dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Mohd. Faiz Subri pada Majlis Jamuan Teh di Seri Mutiara bagi meraikan kejayaan pemain bola sepak berkaitan baru-baru ini.**

# PWCC bantu usahawanita rapat jurang ekonomi antara gender

**TANJUNG BUNGAH** – Walaupun kajian semasa dalam negara menunjukkan golongan wanita telah mencapai kemajuan ketara di peringkat pengurusan atasan, namun masih terdapat jurang halangan untuk ke peringkat lembaga pengarah.

Berdasarkan statistik, terdapat percanggahan di dalam sektor tenaga kerja apabila hanya 53 peratus wanita direkodkan dalam tenaga kerja negara, berbanding 68 peratus daripada jumlah penuntut wanita di universiti-universiti awam.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, angka-angka tersebut adalah lebih rendah berbanding negara-negara jiran seperti Singapura yang mencatatkan sekitar 60 peratus, manakala Thailand (70 peratus) bagi sektor tenaga kerja membabitkan golongan wanita.

"Daripada 53 peratus ini, hanya 24 peratus sahaja membabitkan wanita di peringkat pengurusan atasan, diikuti 10 peratus (lembaga pengarah).

"Oleh itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan PWCC (*Penang Women Chamber of Commerce*) sebagai medium untuk mendengar pendapat wanita dan platform bagi meningkatkan jurang ekonomi serta perniagaan di antara gender," ujarnya pada sambutan Tahun Baru Cina anjuran PWCC di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng dan Presiden PWCC, Datin Annie Chin.

Bersempena penganjuran berkaitan, kira-kira 100 ahli PWCC beramah-mesra sambil bertukar-tukar idea perniagaan sesama sendiri.

Justeru, dalam konteks PWCC, Chong Eng menyatakan bahawa pendedahan kepada akses yang betul akan membantu mengembangkan perniagaan golongan wanita dengan lebih pantas.

"Kebanyakan usahawanita di Asia kurang mendapat akses rangkaian yang sesuai, kurang pengetahuan untuk berurusan dengan birokrasi kerajaan dan kurang kuasa tawar-menawar.

"Kekurangan ini akan menghadkan pertumbuhan dan perkembangan perniagaan mereka.

"Oleh itu, kita di PWCC akan membantu golongan ini untuk lebih berkeyakinan berdepan dengan masyarakat, membuat keputusan dan mendidik mereka menjadi seorang usahawan dan pemimpin yang berjaya," jelasnya.



**CHONG Eng (dua dari kiri) pada majlis sidang media bersempena penganjuran Majlis Sambutan Tahun Baru Cina PWCC di sini baru-baru ini.**




# Exco puji *Corporate Environment Responsibility* pulihara Bukit Juru

Teks & Gambar: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT TENGAH -** Laluan mendaki 646 anak tangga ke puncak Bukit Juru yang ditutup lebih 13 tahun lalu dibuka semula untuk aktiviti eko-pelancongan mencabar, selepas kerja-kerja pemuliharaan semula dilaksanakan oleh sebuah syarikat korporat baru-baru ini.

Ketika berucap, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh memuji inisiatif syarikat berkaitan, *IOI Oleochemichal* kerana melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu, dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

"Apa yang dilakukan oleh *IOI Oleochemichal* bukan sahaja suatu tanggungjawab sosial korporat, malah CSR yang dianjurkan bersama-sama MPSP dan JKKK ini adalah suatu '*Corporate Environment Responsibility*'," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu berhubung Projek Baik Pulih Bukit Juru & Kempen Jom Naik Bukit Juru di sini baru-baru ini.



PHEE Boon Poh (tengah) diiringi Sr. Rozali Mohamud (kanan sekali) dan P. David Marshel (dua dari kanan) menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Pembukaan Semula Bukit Juru di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud serta Pengarah Eksekutif IOI Oleochemichal, Tan Kean Hua.

Ahli Majlis bagi MPSP, P. David Marshel serta wakil Jabatan Perhutanan Negeri turut sertai majlis perasmian yang sebelum itu turut berlangsung aktiviti mendaki bukit serta kerja-kerja pemuliharaan di sini.

Rozali ketika berucap memberitahu, Bukit Juru berkeluasan 150 hektar diwartakan sebagai hutan simpan pada bulan Jun 1981.

Namun, jelasnya, Bukit Juru ditutup atas faktor keselamatan, selepas dibuka sebagai kawasan eko-pelancongan.

"Selepas program (pemuliharaan semula kawasan) ini, kita (MPSP) akan meneruskan pelbagai program untuk menjadikan tempat ini (hutan simpan Bukit Juru) satu lagi destinasi eko-pelancongan," jelas Rozali.




# P. Pinang harap cadangan bina sekolah menengah Tamil pertama negara diterima Pusat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan para penerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Peruntukan Khas Kerajaan Negeri Kepada Sekolah-sekolah dan Tadika Tamil di Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap agar cadangan Kerajaan Negeri untuk membina sekolah menengah Tamil pertama negara di Pulau Pinang diterima Kerajaan Pusat.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Peruntukan Khas Kerajaan Negeri Kepada Sekolah-sekolah dan Tadika Tamil di Pulau Pinang di sini 2 Mac lalu.

Menurut Guan Eng, sebelum inipun, permohonan Kerajaan Negeri untuk membina sebuah sekolah menengah Tamil di Pulau Pinang ditolak oleh Putrajaya.

"Saya tidak faham kenapa cadangan ini (membina sekolah menengah Tamil) ditolak. Kalau bangsa lain boleh (ada sekolah menengah) kenapa tidak adakan sekolah menengah Tamil.

"Saya juga tidak faham kenapa pemimpin India di Kerajaan Pusat pun tolak cadangan ini.

"Kenapa tidak pemimpin MIC membawa cadangan ini ke Kabinet," soalnya yang masih tidak berputus asa untuk memartabatkan sekolah Tamil di Pulau Pinang pada majlis berkaitan.

Guan Eng dalam pada itu berharap agar tahun yang dikatakan 'tahun pilihan raya' ini, Kerajaan Pusat dapat menerima cadangan Pulau Pinang dan mencipta sejarah mewujudkan sekolah menengah Tamil pertama negara di negeri ini.

Menyuarakan cadangan yang sama ialah Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga merupakan Exco Pendidikan Negeri.

Ramasamy memberitahu, Kerajaan Negeri bersedia memberikan tapak untuk membina sekolah menengah Tamil.

"Namun, cadangan kita (Kerajaan Negeri) harus diterima dan dipersetujui oleh Kerajaan Pusat.

"Buat masa ini, masih belum terima apa-apa respons positif daripada Kerajaan Pusat," ujarnya.

Turut hadir, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Pengerusi Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil, Datuk K. Anbalagan serta ahli jawatankuasa lain turut serta.

Sekolah-sekolah Tamil menerima RM1.75 juta, manakala RM100,000 diberikan kepada sekolah-sekolah Tadika Tamil dan sejumlah RM100,000 diperuntukan bagi Tabung Khas Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil.

Sejak tahun 2009, jumlah peruntukan kepada sekolah-sekolah Tamil mencecah RM15,416,000, manakala bagi sekolah-sekolah Tadika Tamil sejumlah RM550,000 diberikan sejak tahun 2012.

Selain itu, sejak 2012 sejumlah RM536,000 diperuntukan bagi Tabung Khas Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan adalah RM16,502,000.

## KN lulus RM100,000, kerjasama dengan JKN perangi denggi



**DR. M. Sukumar.**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM100,000 yang dipohon Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. M. Sukumar untuk kempen kesedaran memerangi wabak denggi.

Ketika berucap, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap angka kematian akibat gigitan nyamuk aedes dapat dikurangkan lagi pada tahun ini.

"Rekod kematian tahun 2015 sebanyak 17 kes, dan 12 kes kematian pada tahun lalu (2016).

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) harap pada tahun ini (2017), angka kematian dapat dikurangkan lagi," jelasnya sebelum menyampaikan cek bernilai RM100,000 kepada Sukumar pada majlis sidang media di sini 3 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.

Pun begitu, Guan Eng melahirkan kebimbangan kerana sudah ada empat kematian akibat denggi direkodkan dalam tempoh dua bulan pertama (minggu kelapan) pada tahun ini.

Bercakap pada sidang media sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin turut mendedahkan situasi semasa kes denggi di negeri ini.

Menurut beliau, 30 kes denggi dilaporkan pada minggu kelapan dalam tempoh 19 Februari hingga 25 Februari lalu, berbanding 36 kes pada minggu sebelumnya (12 Februari hingga 18 Februari), dengan penurunan sebanyak 6 kes (16.67 peratus).

Secara kumulatif sehingga 25 Februari lepas, Afif memberitahu, sebanyak 324 kes denggi dilaporkan berbanding 1,213 kes yang dilaporkan dalam tempoh sama pada tahun 2016, dengan angka penurunan sebanyak 889 kes (73.29 peratus).

"Empat kematian akibat demam denggi dilaporkan sehingga minggu kelapan bagi tahun 2017, berbanding sembilan kes demam denggi bagi tempoh yang sama pada tahun 2016.

"Penurunan (angka kematian akibat denggi) sebanyak lima kes kematian menyamai 55 peratus," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Manakala, Sukumar memberitahu bahawa peruntukan RM100,000 itu akan digunakan untuk program kesedaran melalui *Communication for Behaviourial Impact* (COMBI) sebagaimana dilaksanakan pihaknya (Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, JKN) seperti tahun lepas

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri keranan terus menyokong dan bersama dalam usaha ini (basmi aedes)," ujar beliau.

## Sediakan skim bela peniaga kecil alami cacat kekal, syor Kasthuriraani



**P. Kasthuriraani (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kewangan kepada Anuar dalam masjlis ziarah silaturrahim di sini baru-baru ini.**

**BUKIT TENGAH –** Kementerian Sumber Manusia wajar menyediakan caruman skim khusus untuk menjamin kehidupan peniaga kecil yang mengalami kecacatan kekal atau hilang upaya ketika bekerja.

Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani berkata demikian ketika menziarahi Anuar Salleh, 44, yang kudung tangan kiri akibat digilis mesin air tebu dalam satu kejadian di sini baru-baru ini.

"Ini kerana masih ramai lagi rakyat di negara ini yang kurang berkemampuan tidak mempunyai insurans perlindungan diri dan menjalani kehidupan yang sukar setelah ditimpa kemalangan di tempat kerja.

"Justeru, saya berharap agar Kerajaan Pusat dapat mewujudkan satu skim yang dapat membantu golongan ini agar hidup mereka lebih terjamin," katanya kepada pemberita di kediaman Anuar dekat Flat Taman Sireh di sini.

Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kebun Sireh, Abd. Bahrim Wahab turut sertai sidang media tersebut.

Dalam perkembangan lain, Kasthuriraani mengesyorkan jabatan jabatan Persekutuan berwajib memulakan program jelajah kesedaran, supaya rakyat khususnya peniaga kecil dapat mengetahui hak-hak mereka ketika kemalangan di tempat kerja.

"Ada banyak skim atau program di bawah jabatan-jabatan Persekutuan yang rakyat tidak tahu dan tidak jelas mengenainya terutama skim-skim yang berkaitan dengan kebajikan mereka.

"Contohnya, banyak aduan diterima oleh pejabat saya berkaitan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang mana garis panduannya terlalu rigid dan bagaimana wang caruman tersebut diagihkan kepada para pencarum layak," jelasnya.

Kasthuriraani menyampaikan sumbangan kepada Anuar, sementara menunggu proses permohonan bantuan lanjut Kerajaan Negeri, di bawah skim Agenda Ekonomi Saksama (AES).

Sebarang bantuan kepada Anuar boleh disalurkan melalui Maybank, atas nombor akaun 107096228629.

# Naik taraf lorong belakang bagi suasana lebih selamat, hijau & bersih

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Rata-rata peniaga dan pemilik unit memuji cadangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menaik taraf lorong belakang di sekitar George Town.

Malah, kira-kira 40 peniaga dan pemilik unit di sekitar kawasan berkaitan yang dijemput menghadiri forum pertama Projek Menaik Taraf Lorong Belakang anjuran MBPP baru-baru ini menyatakan bahawa inisiatif tersebut memerlukan kajian lebih terperinci sebelum dilaksanakan.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, projek mentransformasikan lorong belakang adalah bertujuan menghidupkan suasana lorong-lorong berkaitan selain menambah kualiti hidup penduduk di kawasan sekitar.

"Projek Menaik Taraf Lorong Belakang ini akan mengubah imej lorong yang gelap, berbahaya, terbiar dan kotor kepada suasana (lorong) lebih selamat, hijau dan bersih.

"Kerja-kerja yang akan dijalankan adalah melibatkan pembaikpulihan jalan, penanaman pohon-pohon hijau serta pokok-pokok bunga, pemasangan lampu, papan tanda dan kerja-kerja pengindahan lain.




CONTOH projek menaik taraf lorong belakang yang telah dilaksanakan MBPP.

"Lorong-lorong yang telah ditransformasikan ini kelak bukan sahaja boleh digunakan untuk aktiviti berbasikal serta berjalan kaki, malah mungkin berpotensi untuk dijadikan lokasi perniagaan," jelasnya.

Forum tersebut dipanelkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, Ar. Yew Tung Siang (Setiausaha Bandaraya) dan Muhammad Bakhtiar Wan Chik (Ahli Majlis MBPP).

Turut serta, Ahli-ahli Majlis MBPP, Ketua-Ketua Jabatan MBPP, wakil Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dan beberapa wakil pihak pemaju.

Dalam pada itu, menurut Tung Siang, buat permulaan, terdapat tiga zon perintis yang telah dikenal pasti iaitu, Zon 1 yang mana melibatkan Jalan Magazine ke Jalan Gurdwara; Jalan Cheong Fatt Tze ke Jalan Dr. Lim Chwee Leong (Zon 2) dan Lebuh Tamil ke Jalan Dr. Lim Chwee Leong (Zon 3).

"Menaik taraf lorong-lorong belakang ini bukan perkara baru, sebelum ini, inisiatif sama (menaik taraf) telah dilakukan di Lebuh Armenian dan Lebuh Campbell. Anda boleh lihat sendiri bagaimana ia telah berubah.

"Justeru, Majlis kini sedang melakukan kaji selidik dan mengumpul maklum balas berhubung perkara ini bermula 20 Februari sehingga 20 Mac 2017," jelasnya.

Difahamkan, keseluruhan lorong belakang di sekitar George Town adalah kira-kira 50 hingga 60 kilometer (km).

Bagi menyertai kaji selidik dan sebarang maklum balas, sila layari portal MBPP, *http://www.mbpp.gov.my/*.

## Rujuk PBT sebelum laksana projek termasuk pembangunan



**JOSEPH Ng Soon Siang (duduk, empat dari kiri) bersama-sama wakil penduduk setempat dan Pegawai-pegawai Seranta Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih memantau pembinaan longkang dipercayai haram dekat Lorong Khoo Hye Keat di sini baru-baru ini.**

**AIR PUTIH –** Pemilik-pemilik tanah persendirian dinasihatkan supaya merujuk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) terlebih dahulu sebelum menjalankan sebarang pembinaan dan kerja-kerja tanah.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Joseph Ng Soon Siang berkata, pemilik-pemilik tanah persendirian berkenaan perlu mendapatkan kelulusan daripada PBT terlebih dahulu sebelum menjalankan sebarang projek pembangunan.

Menurutnya, beliau kesal dengan pemilik Lot 1412, Lorong Khoo Hye Keat, Air Putih, yang dipercayai membina longkang konkrit di atas Sungai Air Itam dan menyatakan bahawa projek tersebut adalah di bawah kelolaan Kerajaan Negeri.

"Saya ada hubungi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang untuk mengesahkan sama ada ini adalah projek mereka, namun dinafikan.

"Bertindak atas aduan masyarakat setempat, MBPP telah menghantar Notis Mengkehendaki Kerja Diberhentikan (Seksyen 70A) selaras dengan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kepada pemilik tanah tersebut baru-baru ini.

"Pembinaan yang kita lihat ini juga dilakukan di atas sungai dengan menambah struktur konkrit yang menyebabkan sungai di sini menjadi sempit dan kita bimbang ianya boleh menyebabkan banjir di kawasan ini," katanya pada sidang media di tapak pembinaan dekat sini baru-baru ini.

Menurut Soon Siang, apabila pembinaan dilakukan berhampiran sungai, ia memerlukan jarak 6 meter jauh daripada sisi kiri dan kanan sungai tersebut.

## Lesen premis komersial baharu MBPP lengkap ciri-ciri keselamatan

**GEORGE TOWN -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sejak Februari lalu mengeluarkan lesen premis komersial baharu, yang lengkap dengan ciri-ciri keselamatan terkini.

Ahli Majlisnya, Ong Ah Teong berharap inisiatif terbaru itu turut dapat mengelakkan isu pertindihan pada rekod lesen premis perniagaan, seperti rungutan ramai pelanggan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan sebelum ini.

"Setakat ini, lebih 200 lesen (premis komersial baharu) telah pun dikeluarkan kepada pemilik perniagaan.

"Demi mengelak pertindihan (rekod) pada lesen yang dikeluarkan oleh PBT, kita (MBPP) telah memperkenalkan ciri-ciri keselamatan yang banyak seperti kod bar untuk menyemak butiran perniagaan," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Selain mempunyai *barcode*, Ah Teong memberitahu, lesen premis perniagaan baharu MBPP turut dilengkapkan dengan beberapa aspek keselamatan lain, seperti *Rossetti Pattern, Numismatic Text, Diamond Microtext, QR Code* serta diperbuat daripada kertas fiber.

"Terdapat dakwat tidak nampak pada dokumen lesen premis komersial ini, agar tidak mudah dipalsukan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab," jelasnya.

Sidang media itu turut disertai tiga Ahli Majlis MBPP lain iaitu, Joseph Ng Soon Siang, Gooi Seong Kin dan Nor Syazwani Md. Amin.



**ONG Ah Teong menunjukkan contoh lesen premis komersial baharu yang lengkap dengan ciri-ciri keselamatan terkini pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

# MBPP lancar van kaunter bergerak kedua




JOSEPH Ng Soon Siang (dua dari kiri) bersama-sama rakan sepenjawat bergambar kenangan di hadapan van Kaunter Bergerak MBPP pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

### JADUAL KAUNTER BERGERAK

| HARI | WAKTU | VAN | NAMA PASAR / KOMPLEKS / TAPAK PENJAJA: Minggu Pertama dan Minggu Ketiga | NAMA PASAR / KOMPLEKS / TAPAK PENJAJA: Minggu Kedua dan Minggu Keempat |
|---|---|---|---|---|
| ISNIN | 9.00 pagi - 12.00 tengahari | 1 | Tapak Penjaja Lorong Kulit | |
| | | 2 | | Pasar & Kompleks Bayan Baru |
| | 2.00 petang - 3.30 petang | 1 | Flat PPR Jalan Sungai | |
| | | 2 | | Flat PPR Jalan Sungai |
| SELASA | 9.00 pagi - 12.00 tengahari | 1 | Tapak Penjaja Taman Free School | Pasar & Kompleks Farlim |
| | | 2 | Pasar & Kompleks Lintang Macallum 2 | Taman Sahabat, Teluk Kumbar |
| | 2.00 petang - 3.30 petang | 1 | | Pasar & Kompleks Batu Lancang |
| | | 2 | Kompleks Bukit Gedung | |
| RABU | 9.00 pagi - 12.00 tengahari | 1 | Pasar & Annex Air Itam | Tapak Penjaja Batu Maung |
| | | 2 | Pasar & Kompleks Rajawali, Sungai Ara | Pasar & TPS Jelutong |
| | 2.00 petang - 3.30 petang | 1 | | |
| | | 2 | Tesco Extra, Sungai Dua | |
| KHAMIS | 9.00 pagi - 12.00 tengahari | 1 | Pasar & Kompleks Padang Tembak | Pasar Teluk Bahang |
| | | 2 | Taman Metropolitan, Relau | Pasar & Kompleks Taman Tun Sardon |
| | 2.00 petang - 3.30 petang | 1 | Pasar Lebuh Cecil | |
| | | 2 | | Tesco Tanjung Pinang, Tg Tokong |
| JUMAAT | 9.00 pagi - 12.00 tengahari | 1 | Pasar & TPS Jalan Perak | Pasar & Kompleks Tanjung Bungah |
| | | 2 | Pasar & TPS Pulau Tikus | Kompleks Sukan Permata, Paya Terubong |

JADUAL lokasi van kaunter bergerak MBPP.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melancarkan van kaunter bergerak cukai taksiran kedua sebagai satu langkah proaktif pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dalam memberi kemudahan kepada pembayar cukai di negeri ini.

Ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang berkata, sebelum ini MBPP telahpun memperkenalkan van kaunter bergeraknya yang sulung pada 1 Disember 2015.

"Sambutan yang diterima amat menggalakkan apabila sejumlah 12,149 transaksi bil direkodkan pada tahun lalu (2016) dengan anggaran 800 hingga 1,000 transaksi bil setiap bulan.

"(Dan) dengan adanya van kedua ini yang akan meliputi seluruh kawasan pulau, diharap dapat memudahkan lagi pembayar cukai di sini menjelaskan bayaran bil masing-masing," katanya yang juga merupakan Pengerusi Gantian bagi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan MBPP pada majlis pelancaran kemudahan berkaitan sejurus selepas Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di sini 23 Februari lalu.

Menurut Soon Siang, operasi kaunter itu akan bergerak setiap hari (Isnin hingga Jumaat) bermula pada jam 9 pagi hingga 3.30 petang mengikut lokasi-lokasi yang dijadualkan. (Rujuk jadual).

Van yang telah diubahsuai dan dilengkapi dengan kemudahan kamera litar tertutup (CCTV) itu bukan sahaja berfungsi sebagai satu pusat sehenti bagi membayar cukai taksiran MBPP, sebaliknya, ia turut menawarkan perkhidmatan bayaran bil lain-lain antaranya, bil MBPP, bil air (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, PBAPP), bil sewaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), bil caj servis PDC Setia Urus dan bil cukai taksiran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) secara tunai, cek dan wang pos.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Operasi Kaunter Bergerak MBPP ini, sila hubungi Unit Pembilang Wang, Jabatan Perbendaharaan MBPP di talian **04 - 259 2179** atau Unit Aduan di talian **04 - 259 2058**.

# Pemilik iklan haram hadapi risiko nombor telefon dipotong – Ahli Majlis

**SUNGAI PINANG -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini berkerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi membanteras kebanjiran iklan-iklan haram di sini.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ong Ah Teong berkata, antara usaha yang dijalankan ialah mendapatkan kerjasama daripada pihak SKMM untuk membuat tindakan pemotongan nombor telefon syarikat atau pihak-pihak berkaitan.

"Sebelum tindakan diambil, Bahagian Pelesenan MBPP terlebih dahulu akan memaklumkan kepada pemilik-pemilik iklan dan kain rentang terbabit melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) bagi menurunkan iklan masing-masing.

"Jika tiada sebarang maklum balas ataupun tindakan susulan daripada pihak berkaitan, MBPP akan memaklumkan nombor (telefon) tersebut kepada SKMM bagi tindakan seterusnya iaitu untuk membuat pemotongan," katanya selepas operasi menurunkan sepanduk, banting dan iklan tanpa permit sah di sekitar kawasan Jelutong Barat di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli-ahli Majlis MBPP, Saiful Azwan Abdul Malik dan Tan Chiew Choon.

Sebagai makluman, sehingga Februari 2017, sejumlah 86 SMS telah dihantar oleh MBPP kepada pemilik iklan-iklan haram dan 14 daripadanya telah mengemukakan respons.

Sehingga hujung tahun 2016, MBPP juga telah menurunkan sejumlah 18,415 iklan haram yang kebanyakkannya terdiri daripada iklan ah long, tuisyen dan agen hartanah.




DUA Anggota Penguatkuasa MBPP cuba menanggalkan iklan tanpa permit sah dalam operasi sekitar Jelutong Barat di sini baru-baru ini.

# Pesalah trafik gagal atau ingkar bayar kompaun dirujuk ke mahkamah - YDP




**MAIMUNAH Mohd. Sharif (tiga dari kanan), Sr. Rozali Mohamud (bersongkok) bersama-sama barisan Ahli Majlis MPSP bergambar kenangan sambil menunjukkan sijil-sijil penghargaan dan replika cek diterima ekoran pengiktirafan diterima PBT berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan merujuk pesalah trafik yang gagal atau ingkar daripada membayar kompaun berwajib ke mahkamah.

Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif menegaskan bahawa mereka yang dirujuk ke mahkamah boleh dikenakan maksimum denda sehingga RM300, jika sabit bersalah bagi tiap-tiap kesalahan.

"Pihak MPSP memandang serius perkara ini, pesalah-pesalah yang ingkar untuk membayar kompaun letak kereta MPSP sehingga tamat tempoh notis akan dihadapkan ke mahkamah dan tindakan ini akan dipergiatkan lagi.

"Sekiranya pesalah gagal hadir ke mahkamah, waran tangkap boleh dikeluarkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh MPSP di sini baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud dan barisan ahli majlis PBT berkenaan turut sertai sidang media tersebut.

Berdasarkan laporan statistik pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan, Maimunah memberitahu bahawa kompaun yang dikeluarkan di bawah Perintah Lalulintas Jalan Letak Kereta Berkupon MPSP 1995 adalah sejumlah 149,916 dalam tempoh tahun 2015 sahaja.

Manakala bagi tempoh tahun 2016 beliau memberitahu bahawa kompaun yang dikeluarkan adalah sebanyak 169,475.

Tambah Maimunah, bagi tahun 2016, Direktorat Penguatkuasaan MPSP telah mendaftarkan sejumlah 3,276 kes kesalahan trafik di mahkamah, membabitkan pesalah yang gagal atau ingkar daripada membayar kompaun berwajib.

Tambahnya, 3,097 kes membabitkan mereka dari Daerah Seberang Perai Tengah, SPT dan Daerah Seberang Perai Utara, SPU (179). Tiada kes bagi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

# Jangan abai keselamatan ketika *Earth Hour* 2017

**SEBERANG JAYA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan meraikan *Earth Hour 2017* bersama-sama warga penduduk Seberang Perai pada 25 Mac ini, sebagaimana dilangsungkan saban tahun sebelum ini.

Justeru, Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif mengingatkan semua pihak supaya tidak mengabaikan aspek keselamatan ketika acara mematikan semua lampu serta peralatan elektrik selama sejam mulai 8.30 malam di kediaman, pejabat serta premis komersial masing-masing.

"Ini adalah usaha untuk menjimatkan tenaga seluruh dunia.

"Hanya padam lampu *exterior* (iaitu lampu bangunan atau lampu perhiasan dan bukannya menutup lampu keseluruhan bangunan (*blackout*) sepenuhnya di premis masing-masing.

"(Semua warga Seberang Perai) dipohon untuk mengambil langkah-langkah keselamatan,'' katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Difahamkan, *World Wide Fun For Nature* (WWF) dan Leo Burnett buat pertama kali menganjurkan *Earth Hour* atau Jam Bumi pada tahun 2007.

Ketika itu, kira-kira 2.2 juta penduduk Sydney dekat Australia bersama menjayakan kempen mereka, dengan memadamkan lampu yang tidak diperlukan di premis masing-masing.

Sejak itu, kempen tersebut menjadi acara penduduk sedunia yang dianjur saban tahun, pada Sabtu terakhir bulan Mac, sebagai tanda sokongan kempen meningkatkan kesedaran bahawa perlunya usaha sedunia dalam mengurangkan agen pemanasan global.

## Kuat kuasa Dasar Asing Sisa Di Punca 1 Jun, kompaun maksimum RM250

**SEBERANG JAYA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal memulakan langkah penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mulai 1 Jun 2017, selepas kira-kira setahun pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan menganjurkan pelbagai program pendidikan dan kesedaran di semua peringkat komuniti.

Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif menegaskan bahawa RM250 kompaun maksimum bagi setiap kesalahan akan dikenakan kepada pemilik premis yang gagal melaksanakan dasar tersebut nanti.

"Adalah diharapkan supaya semua pihak dapat memberi kerjasama dengan melaksanakan dasar ini, agar ianya akan menjadi satu tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Majlis Penuh di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud serta barisan ahli majlis bagi PBT berkenaan.

Demi mempromosi dasar berkaitan, menurut Maimunah, MPSP sejak 1 Jun tahun lepas telah mengedarkan 355,000 risalah; menaikkan 220 banting serta 101 kain rentang; pameran LED Board di *Auto City*, 10 papan tanda mega, 62 sepanduk pada badan lori tipper sewaktu hari kutipan sisa, 100 poster saiz A3 di pondok bas tumpuan; pengiklanan menerusi *Facebook* dan dalam slip cukai pintu.

"Sejak bermulanya pelaksanaan dasar ini, jumlah kutipan barang kitar semula oleh MPSP dari kawasan perumahan pada bulan Jun hingga Disember 2016 adalah sebanyak 252,863 kilogram (kg) atau 253 tan.

"Pada peringkat awal (sejak 1 Jun 2016), tiada tindakan penguatkuasaan, bagaimanapun peringatan telah diberikan kepada pemilik rumah yang tidak menjalankan (amalan) pengasingan sisa di punca ini," jelasnya.

Berdasarkan rekod MPSP, Maimunah menyatakan bahawa sebanyak 9,446 notis peringatan telah dikeluarkan bermula pada Ogos sehingga Disember tahun lepas sahaja.

Sejak 1 Jun 2016, difahamkan, MPSP menganjurkan kira-kira sembilan program Majlis Pelancaran Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Peringkat Bahagian Seberang Perai.

MPSP sejak 1 Jun tahun lepas turut menganjurkan kira-kira 318 siri taklimat, antaranya 105 siri di taman perumahan, kediaman bertingkat (62), sekolah (32), kampung (31), institusi (30), pasar raya (15), kilang-kilang (14), hotel (4), Projek Perumahan Rakyat atau PPR (3) dan lain-lain kategori lokasi (22).

# Asing sisa, penjimatan dapat bangun infrastruktur lain

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** – Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca khususnya di unit-unit kediaman bermula Jun tahun lalu dijangka mampu menjimatkan 40 peratus kos perbelanjaan tahunan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, kesedaran dalam kalangan penduduk terhadap Dasar Pengasingan Sisa Di Punca masih belum cukup meluas.

"**Kos untuk mengurus sisa pepejal ini adalah sangat tinggi, bayangkan kalau kita (isi rumah) bayar cukai sebanyak RM100, hampir setengah daripadanya iaitu RM40 adalah untuk pengurusan sampah sahaja.**

"**Sebaliknya, jika kita (isi rumah) secara konsisten melakukan pengasingan sisa, kos yang telah dijimatkan ini boleh digunakan untuk membangunkan infrastruktur lain demi kemudahan semua,**" ujarnya pada Program Taklimat Dasar Pengasingan Sisa Di Punca anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Siakap baru-baru ini di sini.

Hadir menyampaikan taklimat kepada penduduk setempat, Pegawai Local Action Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) MPSP, Chew Eng Seng.

Dianggarkan, MPSP membelanjakan lebih RM8 juta untuk kos pengurusan sisa pepejal dalam tempoh setahun.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, Kerajaan Negeri kini memberi kesedaran kepada masyarakat umum untuk membiasakan diri berhubung amalan pengasingan sisa sebelum ia dikuatkuasakan sepenuhnya.

"Kita tidak mahu sampai tahap mengeluarkan saman dan sebagainya. Kalau boleh kita mahu didik, asuh dan biarkan rakyat secara sukarela lakukan pengasingan sisa ini supaya ia menjadi amalan seharian," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Selain taklimat, beberapa aktiviti menarik turut disediakan antaranya cabutan bertuah dan pameran kesedaran.




DR. Afif Bahardin (tiga dari kanan) bersama-sama para penduduk Taman Siakap mengasingkan botol plastik terpakai di ruangan khas yang disediakan di kawasan tersebut di sini baru-baru ini.

## Gotong-royong JKKK Taman Sempadan basmi eades

**GOTONG-ROYONG...** Menyahut seruan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Sempadan di bawah Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN Air Putih) telah menganjurkan program gotong-royong baru-baru ini.

Ia dianggotai oleh 15 ahli JKKK Taman Sempadan, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan MBPP (6) dan penduduk sekitar.

Antara Ahli-ahli Majlis MBPP terlibat, Chris Lee Chun Kit serta Joseph Ng Soon Siang. Tidak terkecuali, dua pegawai dari KADUN Air Putih, Hong serta Mohamed Farook Ismail.

Pengerusi JKKK Taman Sempadan, P.R. Kaliyappan berkata, penganjuran tersebut adalah bagi memastikan tahap kebersihan kawasan sekitar adalah berada dalam keadaan terbaik.

"Serentak itu, kami juga ingin memastikan tiadanya lokasi pembiakan nyamuk aedes, malah peluang turut digunakan untuk memastikan semua infrastruktur kawasan berada dalam keadaan baik," katanya kepada Buletin Mutiara.

Sebagai tambahan, pada program yang berlangsung selama tiga jam bermula pada 10 pagi itu, Kaliyappan turut membuat laporan berhubung status terkini dalam mengenal pasti masalah dan kerosakan beberapa jalan atau sungai di sini.



CHRIS Lee Chun Kit (depan sekali) bersama-sama para ahli serta Ahli Jawatankuasa JKKK Taman Sempadan dan penduduk sekitar bertungkus-lumus membersihkan kawasan sekitar pada penganjuran program gotong-royong di sini baru-baru ini.

## Jaga & periksa persekitaran agar bebas ancaman denggi, seru ADUN

**BATU LANCHANG -** Penduduk Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Lanchang disaran menjaga kebersihan persekitaran serta kerap membuat pemeriksaan agar kawasan tersebut bebas daripada ancaman denggi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang, Law Heng Kiang berkata, sungguhpun kes-kes demam denggi jarang dilaporkan, namun, wabak tersebut masih lagi menular.

Justeru, beliau mahu para penduduk mengambil langkah yang lebih proaktif dan tidak hanya mengharapkan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) semata-mata.

"Wabak denggi di negeri ini masih lagi menular dan untuk mencegahnya adalah mudah...setiap orang mampu melakukannya.

"Pertama, pastikan persekitaran kawasan kediaman kita bersih dengan membuat pemeriksaan di dalam dan luar rumah (mencari takungan air tempat nyamuk aedes bertelur).

"Keduanya, menganjurkan aktiviti gotong-royong di peringkat JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) dan saya pasti wabak ini dapat dikawal," serunya yang juga Exco Pembangunan Pelancongan ketika merasmikan program Santai Briged Wanita anjuran Briged Wanita KADUN Batu Lanchang di sini baru-baru ini.

Kira-kira 300 peserta menyertai penganjuran yang diadakan di perkarangan parkir Pasar Awam Batu Lanchang.

Pelbagai aktiviti diadakan antaranya, senaman taichi, zumba, senam tari, pameran oleh JKNPP, daftar pemilih oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), gerai jualan dan aktiviti kelompok.



LAW Heng Kiang turut serta dalam senam tari bersama-sama kumpulan Briged Wanita Batu Lanchang pada program santai yang diadakan di sini baru-baru ini.

*Rujuk juga muka 14 & 15.*

# Saya ♥ Pulau Pinang




**KETUA Menteri bersama-sama para peminat sukan berbasikal dan ahli jawatankuasa penganjur menunjukkan plakad 'Saya ♥ Pulau Pinang' dalam empat bahasa pada Majlis Pelancaran Kompleks Sukan Relau baru-baru ini.**




**BERLATARBELAKANGKAN kolam renang bersaiz olimpik Kompleks Sukan Relau, Ahli-ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menunjukkan tanda sokongan kempen 'Saya ♥ Pulau Pinang' yang dilancarkan Kerajaan Negeri.**




**Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Dato' Maimunah Mohd. Sharif (tengah, bertudung ungu) bersama-sama barisan ahli jawatankuasa, wakil-wakil sekolah dan para pelajar menunjukkan sokongan terhadap kempen 'Saya ♥ Pulau Pinang' pada Majlis Pelancaran Pertandingan Kitar Semula Sekolah Hijau 2017 Peringkat Peringkat Seberang Perai.**




**EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (tengah) dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada penganjuran Car Free Morning di Bandar Sunway, Seberang Jaya.**




**SETIAUSAHA Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud (tiga dari kanan) dan barisan ahli-ahli majlis pihak berkuasa tempatan berkaitan menunjukkan plakad 'Saya ♥ Pulau Pinang' pada Majlis Perasmian Karnival Upcycle di Juru Autocity.**




**EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng (kanan sekali), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin (kiri sekali) dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail menyatakan bahawa 'Saya ♥ Pulau Pinang'.**